


Headline **Virus HIV melekat pada sperma**
Date **19 Aug 2010**
MediaTitle **Rapi**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Fortnight**
Circ / Read **33,188 / 120,000**

Language **Malay**
Page No **82**
Article Size **97 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **837**
PRValue **2,510**



Virus HIV melekat pada sperma

Hasil kajian terbaru mendedahkan sperma mampu menyebarkan virus HIV yang membawa kepada penyakit AIDS, malah memainkan peranan utama dalam proses tersebut. Menurut ketua penyelidik dari

Universiti Buenos Aires di Argentina, Ana Ceballos, penemuan terbaru itu sekali gus menukar perspektif saintis sebelum ini yang mendapati pada golongan lelaki yang dijangkiti HIV, hanya air maninya, iaitu cecair pengangkut sperma yang menjadi agen penyebar HIV. Namun, belum dapat

dipastikan apakah peranan sperma itu sendiri, khususnya jika merujuk kepada golongan lelaki terbabit yang gagal menghasilkan sperma, seperti yang telah menjalani kaedah pemandulan, tetapi masih boleh bertindak sebagai penyebar HIV.

Menerusi laporan hasil kajian tersebut yang dimuatkan dalam *Journal of Experimental Medicine* itu, penyelidik mendapati virus tersebut terdapat pada permukaan sperma dan boleh menjangkiti sel-sel imun badan. Virus tersebut disebarkan sperma menembusi sel imun badan yang dikenali sebagai sel 'dendritic' melalui luka atau kemelecetan yang dialami kesan perhubungan seks.